

## **Pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik terhadap aplikasi luasan realiti dalam mata pelajaran sains**

### **ABSTRACT**

Kajian dijalankan bertujuan untuk mengetahui pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik terhadap penggunaan aplikasi luasan realiti murid tingkatan 4 di Zon Pantai Timur Sabah. Aplikasi luasan realiti adalah boleh ubah bersandar manakala pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi intrinsik murid merupakan boleh ubah tidak bersandar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Populasi murid tingkatan 4 di Sabah adalah seramai 3731 orang murid. Kajian rintis telah dijalankan melibatkan 100 orang murid yang terdiri daripada sekolah di daerah Zon Pantai Timur Sabah. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Science (SPSS) 26 untuk mendapatkan keputusan kajian yang tepat. Hasil dapatan kajian telah mendapat gaya pembelajaran murid mempunyai hubungan yang positif dan mempunyai hubungan korelasi pada tahap sederhana dengan penggunaan aplikasi luasan realiti. Manakala motivasi intrinsik murid juga mempunyai hubungan yang positif dengan aplikasi luasan realiti dan mempunyai hubungan korelasi yang sangat kuat. Kedua-dua boleh ubah tidak bersandar mempunyai pengaruh terhadap aplikasi luasan realiti apabila kedua-dua dapatan menunjukkan hasil kurang daripada 0.05